

Sikap manusia punca gagal basmi denggi – Utusan Malaysia, 13-6-09

KUALA LUMPUR 12 Jun - Sikap pesakit yang sering bertukar-tukar doktor ketika mengalami demam adalah salah satu punca kegagalan Kementerian Kesihatan untuk membasmi demam denggi di negara ini.

Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMS), Dr. David Quek berkata, sikap sebegini menyebabkan para doktor gagal mengenal pasti wabak tersebut pada peringkat awal.

Katanya, demam atau penyakit tidak akan sembuh dalam tempoh sehari dua, maka pesakit perlu mengikuti beberapa rawatan dengan doktor yang sama sebelum sembuh atau mengenal pasti virus denggi tersebut.

"Dalam hal ini kita tidak boleh menyalahkan para doktor dengan menyifatkan mereka kurang cekap, bersikap cuai atau tidak bertanggungjawab semasa membuat diagnosis.

"Janganlah menyelar doktor jika pesakit menghidap atau meninggal dunia akibat demam denggi. Kecuaian alam sekitar dan pemberian nyamuk adalah punca yang tidak dapat diatasi sejak sekian lama," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai yang kesal dengan kegagalan doktor-doktor terlatih mengesan simptom awal denggi di kalangan pesakit sehingga menyebabkan 50 peratus daripada mereka meninggal dunia.

Dalam pada itu, Dr. David juga mengakui penyakit denggi sukar dikenal pasti dengan simptom yang tepat terutamanya pada tempoh awal jangkitan.

"Ini kerana demam, sakit sendi, ruam kulit, adalah antara simptom yang banyak dikaitkan dengan penyakit virus lain seperti selesema," jelasnya.

Bagaimanapun, kata beliau, MMA setuju dengan usaha Kementerian Kesihatan atas tindakan yang bakal diambil untuk memupuk notifikasi demam denggi dengan lebih awal dan cekap.

"Notifikasi tersebut boleh dinaik taraf dengan menggunakan Internet, iaitu dengan laman web e-notifikasi jika kemudahan ini terdapat di Kementerian Kesihatan.

"Data yang lebih canggih boleh mempercepatkan tindakan dan siasatan Kementerian Kesihatan, bagi mencegah demam denggi," katanya.